NATIONAL UNION OF PLANTATION WORKERS

lwn.

MALAYAN AGRICULTURAL PRODUCERS ASSOCIATIONS

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD. EUSOFF CHIN H
[NOTIS USUL PEMULA NO. R8-25-114-90]
18 JUN 1991

UNDANG-UNDANG BURUH: *Mahkamah Perusahaan - Bidangkuasa - Samada Mahkamah Perusahaan mempunyai bidangkuasa untuk mendengar soalan-soalan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak walaupun soalan tersebut tidak dirujuk oleh menteri dibawah s. 33(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.*

Menteri Sumber Manusia (Menteri berkenaan) telah pada 23 Mei 1990, merujuk pertikaian diantara kedua-dua pihak mengenai Fasal 8 perjanjian kolektif kepada Mahkamah Perusahaan dibawah s. 33(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta tersebut). Pada tarikh perbicaraan dihadapan Mahkamah Perusahaan, peguam pihak pemohon telah membuat bantahan awal iaiatu bahawa Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar rujukan tersebut kerana rujukan yang dibuat oleh Menteri tersebut adalah tak sah sebab tak tepat. Peguam pemohon berhujah bahawa s. 33(1) Akta tersebut mengkehendaki rujukan sesuatu 'soalan' tetapi sebaliknya, apa yang telah dirujuk oleh Menteri berkenaan ialah 'pertikaian' dan bukan 'soalan'. Mahkamah Perusahaan telah menolak bantahan peguam pemohon (lihat [1990] 2 ILR 354). Pihak pemohon memohon perintah *certiorari* supaya award yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan itu dibatalkan.

Diputuskan:

[1] Apa yang ditekankan oleh s. 33(1) Akta tersebut ialah soalan, bukannya pertikaian mengenai tafsiran award atau perjanjian kolektif itu. Seksyen 33(1) Akta tersebut berkehendakkan Menteri, atau pun pihak yang terikat dengan award itu, merujuk soalan atau soalan-soalan untuk diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan.

[2] Dibawah s. 33(1) Akta tersebut, sesuatu pihak yang terikat oleh award atau perjanjian kolektif boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Perusahaan untuk memutuskan apa-apa soalan pentafsiran berkenaan dengan award itu. Tetapi dalam kes ini, tidak ada permohonan sedemikian yang telah dibuat oleh pemohon atau responden kepada Mahkamah Perusahaan.

[3] Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai bidangkuasa untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pihak responden, dan Mahkamah Perusahaan hendaklah memutuskan soalan yang dikemukakan oleh Menteri berkenaan sahaja.

[Permohonan pemohon dibenarkan dengan kos.]

Bagi pihak pemohon - B. Lobo; T/n Lobo & Associates
Bagi pihak responden - V.T. Nathan, (Peh Lee Kheng with him); T/n. Shearn Delamore & Co.

[**Nota Pengarang:** Keputusan Mahkamah Tinggi telah disahkan oleh Mahkamah Agung melalui Rayuan Sivil No. 02-175-91 pada 21 Januari 1992.]

PENGHAKIMAN

Mohd. Eusoff Chin H:

Pada 23 Mei 1990, Menteri Sumber Manusia (Menteri) telah merujuk satu pertikaian kepada Mahkamah Perusahaan di bawah s. 33(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967(Akta). Surat rujukan itu ialah seperti berikut:

Akta Perhubungan Perusahaan 1967
Keputusan Menteri Di Bawah Seksyen 33(1):

> Bahawasanya setelah menimbangkan laporan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, Malaysia atas pertikaian di antara Kesatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) 16G-L, Plaza Ampang City, Peti Surat 11063, Jalan Ampang, 50734 Kuala Lumpur dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) No. 2, Jalan Templer, Peti Surat No. 73, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan mengenai Tafsiran, Artikel 8 dlm. Keputusan Mahkamah Perusahaan No. 92/1990 yang bertajuk - Minimum Number of Day's Work In Each Month, saya berpuashati bahawa adalah wajarbagi pertikaian ini dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan dan pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 33(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini merujukkan pertikaian ini ke Mahkamah Perusahaan.

Artikel 8 yang dimaksudkan oleh Menteri itu terkandung dalam perjanjian kolektif (Award 92/1990) yang mengatakan:

> Article 8 - Minimum Number of Days' work In Each Month
>
> The provisions of Section 16 of the Employment Act 1955 shall apply to employees covered by the said section.
>
> Seksyen 16 Employment Act 1955 pula menyatakan:
>
> 16(1) Where an employee is employed in any agricultural undertaking on an estate on a contract of servive under which he earns wages calculated by reference to the number of day's work performed in each month of his service, his employer shall be bound either to provide him with work suitable to his capacity or not less than twenty-four days in each month during the whole of which he is so employed, or if the employer is unable or fails to provide work on twenty-four days in each month whereon the employee is willing and fit to work, the employer shall nevertheless be bound to pay to the employee in respect of each of such days wages at the same rate as if such employee had performed a day's work:
>
> Provided that any dispute as to whether an employee was willing or fit to work shall be referred to the Director General for his decision:
>
> Provided further that in computing twenty-four days for the purposes of this subsection account shall not be taken of more than six days in any week.
>
> (2) A contract of service shall be deemed to be broken by an employer if he fails to provide work or pay wages in accordance with subsection (1).

Apabila Mahkamah Perusahaan bersidang untuk membincangkan rujukan itu pada 5 Jun 1990, peguam pemohon Encik B. Lobo telah membuat bantahan awal mengenai bidangkuasa Mahkamah Perusahaan untuk mendengar rujukan itu. Alasan yang diberi ialah kerana rujukan yang dibuat oleh menteri itu adalah tak sah sebab tak tepat (void for uncertainty). Menurut Encik Lobo, apa yang dirujuk oleh menteri ialah satu pertikaian dan bukannya satu soalan, dan ini adalah bercanggah dengan kehendak s. 33(1) Akta yang mengatakan:

33.(1) If any question arises as to the interpretation of any award or collective agreement taken cognizance of by the court, the minister may refer the question, or any party bound by the award or agreement may apply, to the court for a decision on the question.

(Emphasis added)

Mahkamah Perusahaan menolak bantahan Encik Lobo. Di perenggan 7 award No. 277/1990, Mahkamah Perusahaan menyatakan:

7. Indeed, the minister should frame the reference carefully and the question which is intended to be tried by the industrial court should be so worded as to leave no scope for ambiguity or controversy. But inaccuracy of language employed in the reference does not always makes any difference to the jurisdiction of this court to proceed with the reference and adjuticate upon it, as this court can interpret and find out the real meaning of the reference as it stands. And in its attempt to construe such a reference too technically or in a pedantic manner but fairly and reasonably. In other words, this court not only has the power but a duty is cast on it to find out what was the real dispute which was referred to it and to decide it and not to throw it out on a mere technicality.

Saya berpendapat bahawa s. 33(1) memperuntukkan dua cara yang membolehkan sesuatu persoalan mengenai pentafsiran awad atau perjanjian kolektif dikemukakan kepada Mahkamah Perusahaan:

(i) apabila soalan itu dirujuk oleh menteri kepada Mahkamah itu untuk diputuskan; atau
(ii) apabila sesuatu pihak yang terikat dengan awad atau perjanjian kolektif itu membuat suatu permohonan untuk soalan berkenaan diputuskan oleh Mahkamah perindustrian.

Apa yang ditekankan oleh s. 33(1) ialah soalan, bukannya pertikaian mengenai tafsiran awad atau perjanjian kolektif itu. Walaubagaimanapun, sudah tentu pertikaian mesti telah timbul terlebih dahulu di antara kedua-dua pihak yang terikat oleh awad berkenaan.

Yang perlu ditentukan ialah apakah soalan yang timbul mengenai pentafsiran awad itu. Nampaknya s. 33(1) Akta itu berkehendakkan menteri merujuk (atau pun pihak yang terikat dengan awad itu membuat permohonan mengemukakan) soalan atau soalan-soalan untuk diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan.

Di dalam Awad No. 277/1990 itu, Mahkamah Perusahaan ada memetik statement of case yang dikemukakan oleh responden kepada Mahkmah itu, dan perenggan 7 hingga 10 ada menyatakan:

7.1 MAPA therefore avers and will so submit that to come within the purview of Article 8 of Appendix A of Award 92/1990, the employee must be employed on an agricultural undertaking on an estate and be paid purely on a daily-rated system of wages.

7.2 MAPA further avers and will so submit that Article 8 of Appendix A of the said Award does not cover an employee who is piece-rated or task-rated or partly daily-rated and partly piece-ratedor paid on any combination of these systems of payment.

8. MAPA contends and will so submit that employees covered by Award 92/1990 include, inter alia, employees employed in an agricultural under-taking on an estate. However, not all employees so employed earn wages calculated by reference to the number of day's work performed in each month of their service.

9. MAPA finally avers and will so submit that employees employed in an agricultural under-taking on an estate and assigned tapping duties (tapppers) are not paid by reference to the number of day's work performed in each month of their service and are therefore not covered by either Article 8 of Appendix A of Award 92/199or Section 16 of theEmployment Act 1955.

10. Wherefore, MAPA prays for an order in terms of paragraph 9 above.

Daripada statement of case itu, ternyata bahawa kedua-dua pihak faham apa yang dimaksudkan oleh Artikel 8 award itu. Tetapi apa yang dipertikaikan oleh kedua-dua pihak yang terlibat oleh award atau perjanjian kolektif itu ialah mengenai soalan sama ada seseorang pekerja yang bukan bergaji hari yang menjalankan kerja-kerja Perusahaan pertanian boleh diberi faedah mendapat gaji minima 24 hari tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen 16 Akta Kerja.

Tetapi dalam surat rujukan oleh menteri kepada Mahkamah Perusahaan , perkara yang ditimbulkan atau persoalan yang dikehendaki diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan ialah: apakah tafsiran Mahkamah itu mengenai kandungan Artikel 8. Memandangkan Artikel 8 membuat rujukan kepada seksyen 16 Akta Kerja, apa yang menteri kehendaki Mahkamah Perusahaan mentafsirkan ialah peruntukan Seksyen 16 Akta Kerja dan bukan soalan-soalan yang dikemukakan oleh pemohon atau responden. Oleh itu adakah Mahkamah Perusahaan mempunyai bidangkuasa menjawab atau memutuskan soalan-soalan yang tidak dirujuk kepadanya oleh menteri? Pada pendapat saya apabila sesuatu soalan dirujuk oleh menteri kepada Mahkamah Perusahaan, Mahkamah itu hanya mempunyai bidangkuasa bagi menjawab dan memutuskan soalan yang sebenar dirujuk kepadanya oleh menteri.

Di dalam award ini Mahkamah Perusahaan adalah bersedia untuk meneruskan perbicaraan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh responden, iaitu soalan-soalan yang bukan dirujuk kepada Mahkamah itu oleh menteri. Saya dapati Mahkamah Perusahaan tidak ada bidang kuasa berbuat demikian.

Adalah benar bahawa di bawah seksyen 33(1) Akta itu, sesuatu pihak yang terikat oleh awad atau perjanjian kolektif boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Perusahaan untuk memutuskan apa-apa soalan pentafsiran berkenaan awad itu. Tetapi tidak ada permohonan sedemikian dibuat oleh pemohon atau responden kepada Mahkamah Perusahaan. Oleh itu, Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai bidangkuasa menjawab soalan-soalan tertentu yang dikemukakan oleh responden, dan Mahkamah itu hendaklah memutuskan soalan yang dikemukakan oleh menteri sahaja.

Atas alasan-alasan yang dikemukakan tadi, saya membenarkan permohonan ini dengan kos, dan membuat perintah certiorari supaya award (ruling) yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan pada 15 Oktober 1990 dibatalkan.

Also found at [1992] 1 CLJ 387